

# Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Tingkah *Laku School Refusal* dalam Kalangan Kanak-Kanak Tadika

**BITARA**

Volume 7, Issue 2, 2024: 309-319  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 30 April 2024  
Accepted: 18 May 2024  
Published: 30 June 2024

## [Influence of Parenting Styles on School Refusal Behaviour among Kindergarten Children]

Maizatul Nabilah Mustaffa<sup>1</sup>, Iylia Mohamad<sup>2</sup> & Syazwani Husin<sup>1</sup>

1 Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang MALAYSIA, E-mail: maizatul@unipsas.edu.my ; syazwani@unipsas.edu.my

2 Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900. Tanjong Malim, Perak MALAYSIA, E-mail: iylia@fpm.upsi.edu.my

\*Corresponding Author; email: maizatul@unipsas.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan tingkah laku *school refusal* mengikut jantina dan hubungan di antara gaya keibubapaan jenis autoritatif, jenis autoritarian dan juga jenis permisif dengan tingkah laku *school refusal* dalam kalangan kanak-kanak Tadika Swasta di Daerah Kuantan, Pahang. Oleh kerana kajian ini adalah kajian tinjauan iaitu pensampelan rawak mudah, maka data di kumpul menggunakan set soal selidik. Set soal selidik yang digunakan di adaptasi dari *School Refusal Assessment Scale Revised-Parents* (SRASC-P) dan *Parental Authority Questionnaire* (PAQ). Dapatan kajian dilaporkan secara deskriptif dan menggunakan data analisis inferensi. Hasil dapatan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 23.0 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku *School Refusal* mengikut jantina lelaki (min = 84.406, sp = 11.39) manakala perempuan (min = 82.02, sp = 11.876, t = 1.317, p = 0.18 > 0.05). Gaya keibubapaan Autoritatif dan Autoritarian menunjukkan nilai pekali *pearson* mempunyai hubungan yang songsang dan sangat lemah. Namun tiada hubungan yang signifikan bagi gaya keibubapaan Permisif dengan *School Refusal*. Beberapa cadangan dikemukakan oleh pengkaji di mana Kementerian Pendidikan Malaysia perlu lebih mengkaji kehadiran tingkah laku baharu seperti *School Refusal* supaya dapat membantu ibu bapa dalam membendung gejala-gejala yang tidak diinginkan. Pengkaji juga mengutarakan cadangan kepada pihak pengusaha tadika, di mana mereka perlu lebih menitik beratkan emosi dan sosial kanak-kanak sebelum kanak-kanak bertingkah laku *School Refusal*. Dalam pada itu, pengkaji seterusnya disarankan supaya dapat menjalankan kajian secara kualitatif di mana melibatkan lebih pemerhatian, analisis dokumen dan juga temubual bagi mendapat dapatan yang lebih kukuh dan mencukupi, serta berfokus kepada satu umur sahaja.

**Kata kunci:** Keibubapaan, permisif, autoritation, autoritatif, *School Refusal*

### Abstract

The studies were carried out to examine the differences of school refusal behaviour between genders and to determine the relationship between parenting style which include authoritative, authoritarian and permissive with school refusal behaviour among children in Private Kindergartens in Kuantan Pahang. These studies used simple random sampling and the data collected using a set of questionnaires. The set of questions used was adopted from the *School Refusal Assessment Scale Revised-Parents* (SRACC-P) and the *Parental Authority Questionnaire* (PAQ). The findings of the study were reported in descriptive and inferencing analysis. The results were analyse using *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) version 23.0 shown that there are no differences between School

Refusal by gender male (min = 84.406, sd = 11.39) female (min = 82.02, sd = 11.876,  $t = 1.317$ ,  $p = 0.18 > 0.05$ ). For the Pearson result of Authoritative and Authoritarian, there is reverse and weak relationship towards School Refusal. However, there is no significant relationship between Permissive and School Refusal. Some suggestions are given for the further research. Several suggestions were put forward by the researcher, emphasizing that the Malaysian Ministry of Education should further investigate the emergence of new behaviours such as School Refusal to assist parents in addressing undesirable symptoms. The researcher also recommended that preschool operators pay greater attention to the emotional and social well-being of children to prevent School Refusal behaviours. Furthermore, it is suggested that future researchers conduct qualitative studies involving more observations, document analyses, and interviews to obtain more robust and comprehensive findings, with a focus on a specific age group.

**Keywords:** parenting, permissive, authoritarian, authoritative, school refusal, truant, children, kindergarten


**Cite This Article:**

Maizatul Nabilah Mustaffa, Ilyia Mohamad & Syazwani Husin. (2024). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Tingkah Laku School Refusal dalam Kalangan Kanak-Kanak Tadika [Influence of Parenting Styles on School Refusal Behaviour among Kindergarten Children]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(2): 309-319.

## Pengenalan

*School Refusal* dapat digambarkan sebagai spektrum ketidakhadiran ke sekolah tanpa sebab sama seperti gejala ponteng. Namun beberapa tahun kebelakang, menurut Pilkington dan Piersel (1991) mendapati penolakan ke sekolah adalah reaksi penghindaran yang normal kepada kanak-kanak apabila persekitaran yang dilalui tidak menyenangkan dan menimbulkan rasa tidak memuaskan (Havik T & Ingul JM, 2021). Dari kajian Kearney dan Silverman (1999), tingkah laku "*School Refusal*" merujuk kepada kanak-kanak yang tidak mahu ke sekolah atau kanak-kanak yang sukar untuk kekal berada dalam kelas sewaktu waktu pembelajaran berlangsung. Kebanyakan diantara mereka adalah dalam waktu berkembang dan beralih ke zaman remaja. Ini telah dibuktikan oleh penyelidikan Kearney, Cook, & Chapman (2007) di mana perkara ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak mahupun remaja di dalam lingkungan umur lima sehingga 17 tahun. Dalam pada itu, di Malaysia senario ini telah memungut kadar ponteng yang cukup membimbangkan yang melibatkan remaja dalam kategori umur 14 sehingga 15 tahun (Balakrishnan & Andi, 2019).

## Kerangka Konseptual



Rajah 1: Kerangka Konseptual

## Permasalahan Kajian

Kajian secara tidak formal telah mendapati bahawa masih terdapat kanak-kanak yang tidak hadir ke sekolah dan menunjukkan keengganan ke sekolah serta memberontak oleh kerana tidak mahu ke sekolah. Dalam kajian Gracia dan Frenandez et al., (2008), Ia adalah kesukaran yang serius bagi menghadirkan diri atau kekal berada di kawasan pembelajaran kerana perasaan takut yang berlebihan terhadap sesuatu situasi; sebagai contoh apabila dinilai, takut kepada guru ataupun rakan sebaya. Menurut Dr. Chin Bin Hwa dari Kementerian Kesihatan Malaysia (2017), statistik telah menunjukkan bahawa keengganan ke sekolah berlaku 1 sehingga 5% kanak-kanak di setiap sekolah dan lazimnya berlaku kepada kanak-kanak lelaki serta perempuan.

Tambahan daripada itu, terdapat kajian yang membuktikan bahawa gaya keibubapan yang berbentuk permisif telah mengakibatkan anak yang dibesarkan oleh ibu dan bapa tidak dapat mengawal diri, bersikap impulsif dan kurang berdikari serta kurang meneroka (Ali Hafizar, Norida Abdullah & Siti Nurul Suhada, 2017). Kanak-kanak yang terdidik dengan gaya permisif sentiasa bersikap tidak berminat dalam apa jua aktiviti, bersikap suka menolak, dan sering berasa kurang dari segala aspek psikologikal (Yahaya & Bahari, 2010). Walaupun begitu, terdapat kajian yang menolak tentang kenyataan tersebut. Seperti yang dinyatakan, penyesuaian gaya keibubapaan dan kemahiran yang dimiliki oleh ibu bapa haruslah setara dengan struktur dan saiz kekeluargaan bagi menjamin setiap kesejahteraan psikologikal ahli keluarga (Nur Fatin, Muhamad Adib & Fatimah, 2015). Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi melihat gaya keibubapaan jenis autoritatif, jenis autoritarian dan jenis permisif adalah faktor yang mendorong kepada *School Refusal* kanak-kanak.

## Soroton Literatur

Sekolah seharusnya menjadi tempat yang berperanan dalam membentuk budaya yang baik bagi generasi masa yang akan datang. Ini adalah kerana, hanya di sekolah kanak-kanak atau pelajar perlu mengikuti kurikulum yang tersedia bagi perkembangan potensi kanak-kanak dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Tempat yang paling sesuai bagi mendapatkan pendidikan secara formal adalah institusi pendidikan seperti sekolah iaitu boleh membentuk pemikiran, membentuk tingkah laku yang baik, serta sikap yang dapat melahirkan generasi yang lebih seimbang dari sudut mental dan kerohanian (Mohd Salleh Lebar, 1997).

Namun begitu, di dalam kajian Lopez, Jesus dan Luis (2015), gejala ponteng atau ketidakhadiran ke sekolah ini menjadi masalah yang biasa dan berlanjutan hingga ke peringkat institusi tinggi sejak dasawarsa ini. Hal ini sehingga mengakibatkan gejala ini dikategorikan sebagai salah laku yang sangat menjadi perhatian. Di sini dapat dilihat bahawa berdasarkan beberapa salah laku tersebut, adalah didapati salah laku ponteng sekolah, dan ianya berada pada di tahap yang membimbangkan para guru (Rogers, 2014). Tambahan itu, ponteng dikategorikan sebagai punca yang tidak asing bagi pembaziran serta kelembapan yang akan membawa kepada kesan dan akibat yang buruk dalam kualiti kedudukan peperiksaan, gagal serta keciciran di sekolah (Neelam, 2013). Dalam kajian oleh Diana Wulandari (2018) dinyatakan bahawa satu permasalahan yang paling serius di dalam dunia Pendidikan adalah isu ponteng sekolah.

*School Refusal* berlaku berkemungkinan disebabkan oleh gaya keibubapaan yang dicorakkan terhadap kanak-kanak serta remaja. Seperti sedia maklum, ini adalah kerana ibu bapa memainkan peranan sebagai individu yang memberikan arahan kepada anak-anak dan bertindak sebagai model (Bandura, 1994). Oleh kerana itu gaya keibubapaan merupakan suatu intipati yang sangat penting dalam pengasuhan mahupun mendidik kanak-kanak. Beberapa pandangan telah dikeluarkan oleh pengkaji lepas di mana, gaya keibubapaan dinyatakan terbahagi kepada tiga jenis gaya iaitu autoritatif, autoritarian dan juga permisif. Walaubagaimanapun, menurut Buerah, Shanah dan Hamimah (2015), kekeluargaan merupakan suatu institusi sosial yang dapat membentuk tingkah laku serta dapat mengarahkan aktiviti sosial yang lebih sesuai mengikut peralihan dan perkembangan anak-anak. Keibubapaan perlu dipenuhi dengan perkara-perkara asas yang penting. Menurut Holden (2020), beliau mengetengahkan enam peranan asas keibubapaan iaitu, memastikan keselamatan dan keperluan asas anak seperti menyediakan makanan, tempat tinggal dan pakaian, mengakses penjagaan kesihatan dan melindungi ahli keluarga. Dalam pada itu, peranan yang kedua adalah memberikan sokongan sosioemosi seperti memberikan kasih sayang, memberikan disiplin dan menjadi contoh teladan. Begitu juga peranan yang ketiga di mana ibu bapa harus, membina struktur seperti persekitaran, mengatur kehidupan anak dan menyediakan rutin. Merangsang dan memberikan arahan seperti menyediakan permainan dan bahan pembelajaran, memberi bimbingan dan menggalakkan pencapaian adalah peranan ke empat diikuti dengan pemantauan dan pengawasan terhadap anak seperti memerhati, mengumpulkan maklumat dan berkomunikasi dengan anak. Peranan terakhir adalah menyediakan perhubungan sosial seperti membina hubungan dengan keluarga, membina hubungan persahabatan dan menyertai institusi atau sesebuah organisasi. Sesuai dengan enam peranan yang telah diketengahkan, didikan yang tersenarai, penting bagi membantu emosi anak yang sedang mengalami masalah tingkah laku '*School Refusal*'.

Didikan dan galakkan yang terbaik dari ibu dan bapa dapat memberikan impak serta kesan yang positif terhadap anak. Ini selari dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Nurshahizan (2014) iaitu pembentukan keperibadian yang tinggi dan sikap yang positif ke atas pembelajaran dalam kalangan pelajar dapat diterapkan melalui gaya autoritatif. Dalam pada itu, pengkaji menyatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai kriteria ini akan menyatakan kesanggupan mereka untuk melakukan kerja sekolah dan mematuhi menyelesaikan kerja di rumah. Akan tetapi ponteng sekolah tidak membuatkan pelajar atau anak-anak ini mempunyai perasan cemas dan takut untuk hadir ke sekolah tetapi mereka lebih mempunyai tingkah laku delinkuen dan bersikap mengganggu. Begitu juga apabila waktu persekolahan, anak tersebut bertindak untuk keluar dari rumah dan bukan duduk di rumah kerana tidak mahu ibu bapa mereka mengetahui akan gejala ponteng yang berlaku. (Fremont, 2003). Dalam kajian Balakrishnan dan Andi (2019), sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia juga mempunyai masalah ketidakhadiran tanpa alasan.

Dalam konteks gaya Autoritatif yang dianggap gaya asuhan yang lebih bersifat rasional dan demokratik, sehingga gaya ini dapat membentuk anak-anak yang berfikiran lebih positif, aktif dalam bersosial, bertanggungjawab dan mempunyai kompetensi daripada aspek kognitif (Yahaya & Bahari, 2010). Selain daripada gaya autoritatif, gaya autoritarian serta gaya permisif di perkatakan akan membawa kesan yang lebih pasif, longgar tetapi disertakan dengan tekanan yang menjejaskan prestasi akademik anak-anak (Nurshahizan, 2014). Bagi gaya autoritarian

menurut Bee dan Boyd (2002), ianya lebih diperlihatkan sebagai ciri-ciri yang akan membawa kesan negatif kepada konsep sendiri anak oleh kerana anak akan membawa kemahiran sosial yang lemah dan sekaligus mampu menjadi individu yang terlebih agresif ataupun terlalu pasif dan kebarangkalian mempunyai *mood* yang tidak menentu adalah tinggi.

Remaja akan berasa terkongkong dan akan mengalami gangguan secara psikologikal jika ibu bapa menggunakan gaya keibubapaan jenis authoritarian di mana ianya akan lebih tegas, menghukum dan juga tidak akan mendengar pandangan anak atau remaja (Mohd Haikal, Fatimah Yusoff & Mohamad Irwan, 2015). Selain daripada itu, menurut Ismail et.al. (2008) dek kerana sikap yang terlalu mengongkong oleh ibu bapa ini akan menyebabkan psikososial remaja yang menginginkan kebebasan, berautonomi serta pembentukan identiti diri lebih terbatas dan secara automatiknya terganggu. Namun begitu, kebanyakan pengkaji masih belum dapat membuktikan bahawa gaya keibubapaan ini membawa kepada sikap *School Refusal* kepada kanak-kanak.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa, tingkah laku "*School Refusal*" ini merujuk kepada motivasi kanak-kanak terhadap keengganan ke sekolah atau kepayahan seorang kanak-kanak untuk kekal berada di dalam kelas sewaktu pembelajaran berlangsung. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kira-kira 90% daripada semua anak muda yang enggan pergi ke sekolah mempunyai beberapa bentuk diagnosis psikiatri. *School Refusal* mengakibatkan kanak-kanak mengalami konflik dengan keluarga, sekolah, dan komuniti. Kegagalan untuk menghadiri ke sekolah mempunyai kesan dan impak pada jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang signifikan kepada perkembangan sosial, emosi dan pendidikan mereka. Pengkaji berpendapat, berkemungkinan kanak-kanak yang mengalami *School Refusal* ini adalah disebabkan oleh masalah diejek atau dipulaukan, masalah bersama guru, mengalami masalah pembelajaran atau mempunyai masalah kekeluargaan dan berkemungkinan pelajar mempunyai kemurungan. Kemurungan dan kecemasan dianggap sebagai masalah emosi yang paling umum bagi pelajar yang tidak mahu bersekolah (Nayak, Sangoi & Nachane, 2018).

Walaupun bagaimanapun, gaya keibubapaan yang di amalkan atau diaplikasikan terhadap belum tentu sesuai dan mampu memberi impak yang positif terhadap perkembangan emosi dan psikososial anak-anak dengan baik. Gaya keibubapaan authoritarian sesuai digelar sebagai gaya paksaan. Ini juga ada dinyatakan oleh pengkaji lepas, di antara gaya keibubapaan yang tersenarai, gaya keibubapaan yang bersifat mendesak dan tidak responsif terhadap anak mereka adalah gaya keibubapaan jenis *authoritarian* (Jee Pei Ching & Shahlan Surat, 2017). Hal ini adalah kerana ibu dan bapa bersifat *aitoritarian* ini lebih gemar mengarah dan menghukum tanpa berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Anak-anak wajib mengikut peraturan yang ditetapkan oleh ibu dan bapa authoritarian mereka, di mana peraturan ini mestilah dipatuhi tanpa mengira kesan dan perasaan anak. Gaya keibubapaan ini dianggap terlalu tegas (Baumrind 1991). Perkara ini disokong oleh Matejeic, Todovic & Braga (2014) di mana amalan gaya *authoritarian* ini di anggap kawalan yang bersifat tinggi, rigid dan memberi perhatian yang melampau serta memberikan kesan psikologikal kepada nak-anak seperti berdendam, kurang motivasi dan juga memberontak. Ketegasan dan hukuman yang kerap dapat memberikan impak yang sangat negatif kepada anak-anak terutamanya dari usia mereka masih kecil. Anak-anak akan menjadi pasif serta mempunyai konsep sendiri yang rendah. Oleh yang demikian, mereka terhasil menjadi individu yang tidak kreatif dalam melakukan penyelesaian masalah serta lemah dalam berkomunikasi dan bersosial (Jee Pei Ching & Shahlan Surat, 2017).

Namun begitu, perkara ini tidak selari dengan gaya keibubapaan jenis permisif. Kanak-kanak yang memiliki dan dibesarkan oleh ibu dan bapa yang lebih permisif akan cenderung untuk bersifat tidak dapat mengawal diri, impulsif, kurang berdikari malah kurang juga meneroka. (Ali Hafizar, Norida & Siti, 2017). Ini adalah kerana ibu dan bapa cenderung memberikan peluang dan ruang yang penuh kepada anak mereka dek kerana kepercayaan terhadap kata anak tidak boleh dikawal oleh orang dewasa supaya mereka boleh melakukan perkara yang terbaik dalam kehidupan mereka (Jee Pei Ching & Shahlan Surat, 2017). Kesannya dapat dilihat apabila anak bersikap agresif dan kurang kawal diri. Di dalam kajian lepas terdapat hasil yang membuktikan bahawa gaya keibubapaan autoritatif dan autoritarian dalam mendorong kanak-kanak dalam ketidakhadiran mereka ke sekolah. Gaya keibubapaan jenis permisif juga tidak ada tolok bandingnya. Menurut kajian Muin (2015); Pravitasari (2012) telah dinyatakan bahawa terdapat gaya keibubapaan yang bersifat permisif lebih mempengaruhi gelagat pelajar yang ponteng sekolah.

Berikutan hal tersebut, kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui samada terdapat perhubungan antara dua pembolehubah yang telah membentuk kepada persoalan kajian seperti berikut:

- a. Adakah terdapat perbezaan tingkah laku *school refusal* mengikut jantina dalam kalangan kanak-kanak Tadika swasta di Daerah Kuantan, Pahang?
- b. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan *school refusal* dalam kalangan kanak-kanak Tadika swasta di Daerah Kuantan, Pahang?
- c. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan jenis autoritarian dengan *school refusal* dalam kalangan kanak-kanak Tadika swasta di Daerah Kuantan, Pahang?
- d. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan jenis permisif dengan *school refusal* dalam kalangan kanak-kanak Tadika swasta di Daerah Kuantan, Pahang?

## Metodologi

Kaedah penyelidikan yang telah dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan di mana pengumpulan data adalah berdasarkan kepada borang soal selidik yang perlu diedarkan kepada responden kajian di mana pengkaji ingin mendapatkan data yang berkait rapat dengan gaya keibubapaan menjadi faktor *school refusal*. Di dalam kajian ini data yang dikumpul, di analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sciences for Windows Version 23* (SPSS) menggunakan cara deskriptif, inferensi seperti skor min, peratusan, ujian-T dan korelasi. Bagi kaedah deskriptif, analisis akan digunakan bagi menjelaskan fenomena yang berkait dengan sesuatu populasi kajian dan menghasilkan pernyataan yang jitu mengenai sesuatu data (Sabitha Marican, 2012). Menurut Sekran (2004) populasi di dalam kajian adalah merujuk kepada keseluruhan manusia dalam sesebuah kumpulan, fenomena atau perkara menarik hingga membuatkan penyelidik ingin mengkaji perkara tersebut. Oleh kerana itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang kanak-kanak tadika yang mempunyai tingkah laku *school refusal*, pengkaji telah memilih ibu, bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang bersekolah di Tadika Swasta Daerah Kuantan Pahang di dalam mukim Kuala Kuantan 1, iaitu Indera Mahkota sebagai populasi kajian. Berdasarkan data yang diperolehi daripada laman sesawang rasmi e-

prasekolah menunjukkan bahawa terdapat 18 tadika swasta yang berdaftar di kawasan Indera Mahkota.

Prosedur pemilihan sampel pula merujuk kepada pensampelan rawak mudah. Prosedur ini dipilih oleh pengkaji bagi memastikan setiap satu di antara unit di dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian. Bagi kajian ini, telah memilih populasi bagi Kawasan Indera Mahkota iaitu sebanyak 360 dan sampel yang perlu di kutip oleh pengkaji adalah sebanyak 186. Namun begitu, sampel yang akan di kutip oleh pengkaji akan dilebihkan kepada 10 bagi mengelakkan perkara seperti soal selidik rosak berlaku.

Jenis instrumentasi kajian di dalam kajian tinjauan ini, penyelidik menggunakan soal selidik yang merangkumi item-item berdasarkan objektif kajian. Bagi pengkaji Azizi, et al (2007), beliau menyatakan bahawa kaedah ini memudahkan pengkaji mendapatkan data mentah yang baik daripada responden untuk dianalisis. Bagi mengenal pasti gaya tingkah laku kanak-kanak yang mengalami *School Refusal* mengikut jantina, pengkaji menggunakan set soalan iaitu *School Refusal Assessment Scale Revised-Parents* di adaptasi dari Christopher A. Kearney, Anne Marie Albano (2007). Bagi mengenal pasti hubungan diantara gaya keibubapaan dengan *School Refusal*, pengkaji menggunakan set soalan *Parental Authority Questionnaire (PAQ)* yang di adaptasi daripada Adib Asnawi; Agnes Sombulin & Lailawati Madlan (2017).

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini dijalankan terhadap 186 ibu, bapa atau penjaga kepada kanak-kanak tadika swasta Daerah Kuantan. Maklumat responden yang diperolehi adalah berdasarkan pengisian maklumat balas di dalam borang soal selidik tersebut.

Jadual 1: Taburan Responden Berdasarkan Hubungan

Hubungan	Bilangan	Peratus
Ibu Kandung	108	58.1
Bapa Kandung	57	30.6
Penjaga	21	11.3
Jumlah	186	100

108 diantara jumlah responden adalah ibu kandung (58.1%), 57 orang adalah bapa kandung di kiraan (30.6%) dan hanya 21 orang responden iaitu (11.3%) yang mengambil bahagian adalah penjaga kepada kanak-kanak tersebut.

Jadual 2: Taburan Min dan sisihan Piawai perbezaan tingkah laku *School Refusal* mengikut jantina Kanak-kanak tadika swasta di Kuantan

Konstruk	Faktor	Min	S. P	t	Sig.
<i>School Refusal</i>	Lelaki	84.406	11.391	1.317	0.18
	Perempuan	82.024	11.876		

Ujian-T sampel bebas telah dijalankan bagi membandingkan samada terdapat perbezaan antara jantina lelaki dengan jantina perempuan yang bertingkah laku *school refusal*. Analisis skor min bagi pemboleh ubah *school refusal* mengikut jantina lelaki adalah (84.406) manakala mengikut jantina perempuan adalah (82.024). Namun begitu hipotesis yang digunakan oleh pengkaji iaitu “terdapat perbezaan tingkah laku *school refusal* mengikut jantina dalam kalangan kanak-kanak Tadika swasta di Daerah Kuantan, Pahang adalah ditolak. Ini adalah kerana nilai signifikan bagi analisis yang dijalankan  $0.18 > 0.05$ . Di dalam kajian lepas yang telah dijalankan mengikut jantina juga telah membuktikan bahawa tiada perbezaan diantara lelaki dan perempuan bagi yang bertingkah laku *school refusal*.

Menurut Fremont (2003), satu sehingga 5 peratus kanak-kanak bersekolah bertindak menolak ke sekolah dan rata-rata mereka adalah di dalam bilangan yang sama diantara lelaki dan perempuan (Heyne, King, Tonge & Cooper, 2001; Kearney 2001) di dalam Balakrishnan dan Andi (2019). Ini juga dapat dikaitkan dengan purata sosio-ekonomi ibu bapa dan cara menangani emosi kanak-kanak tidak mengira jantina anak mereka. Bagi kajian lepas, pengkaji menjalankan kajian ke atas ibu bapa yang berlandaskan sosio-ekonomi rendah dan juga sosio-ekonomi tinggi. Oleh kerana itu juga kajian kali ini seakan selari oleh kerana kajian ini dilakukan di Tadika Swasta. Pengkaji beranggapan kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke Tadika Swasta berkedudukan yang lebih selesa sosio-ekonominya.

Jadual 3: Korelasi di antara Gaya Keibubapaan Autoritatif dengan School Refusal

Pemboleh Ubah		<i>School Refusal</i>
Gaya Keibubapaan (Autoritatif)	Pekali Pearson	-0.89
	Sig.	0.00
	N	186

Ujian korelasi telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan diantara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan *school refusal* di kalangan kanak-kanak Tadika swasta. Keputusan ujian mendapati bahawa nilai pekali pearson adalah ( $r = -0.89$ ,  $p = 0.00 < 0.05$ ). Kesimpulannya terdapat hubungan songsang dan hubungan yang sangat lemah diantara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan *school refusal*.

Jadual 4: Korelasi di antara Gaya Keibubapaan Autoritarian dengan School Refusal

Pemboleh Ubah		<i>School Refusal</i>
Gaya Keibubapaan (Autoritarian)	Pekali Pearson	-0.412
	Sig.	0.00
	N	186

Ujian korelasi telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan diantara gaya keibubapaan jenis authoritarian dengan *school refusal* di kalangan kanak-kanak Tadika swasta. Keputusan ujian mendapati bahawa nilai ( $r = -0.412$ ,  $p = 0.00 < 0.05$ ). Kesimpulannya terdapat hubungan yang songsang dan hubungan yang sangat lemah diantara gaya keibubapaan jenis authoritarian dengan *school refusal*.



Jadual 5: Korelasi di antara Gaya Keibubapaan Permisif dengan School Refusal

Pemboleh Ubah		<i>School Refusal</i>
Gaya Keibubapaan (Permisif)	Pekali Pearson	-0.135
	Sig.	0.067
	N	186

Ujian korelasi telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan diantara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan *school refusal* di kalangan kanak-kanak Tadika swasta. Keputusan ujian mendapati bahawa nilai ( $r = -0.135$ ,  $p = 0.067 > 0.05$ ). Dapat dilihat, nilai kesignifikan bagi pemboleh ubah gaya keibubapaan jenis permisif telah melebihi takat 0.05. Kesimpulannya, tiada hubungan yang signifikan diantara gaya keibubapaan jenis permisif dengan *school refusal* dalam kalangan kanak-kanak Tadika Swasta di Daerah Kuantan, Pahang.

## KESIMPULAN

Populasi kanak-kanak yang sering bertingkah *school refusal* sudah tidak lagi mengenal erti jantina. Pengkaji menyimpulkan bahawa perbezaan jantina bagi tingkah laku *school refusal*, kedua-dua jantina memiliki ekspresi *mood* yang sama dari sudut penolakan ke sekolah dan keinginan ke sekolah. Walau bagaimanapun, dapat disimpulkan juga bahawa gaya keibubapaan jenis autoritatif dan autoritarian lebih banyak digunakan oleh ibu, bapa dan penjaga dalam mengawal anak-anak. Hubungan lemah dan songsang juga dilihat sebagai suatu isu apabila ianya dapat menjadi masalah yang besar jika tidak dibendung daripada awal usia. Pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa gejala ponteng dan *School Refusal* adalah suatu perkara yang berbeza dan penyelidikan mengenai gejala ponteng juga telah banyak dilakukan. Walaubagaimanapun, masih kurang penyelidikan mengenai tingkah laku *School Refusal* di Malaysia. Jika kajian ini tidak diteruskan, guru-guru serta ibu bapa tidak akan memandang serius terhadap kanak-kanak yang mengalami "*School Refusal*" dan akan terus mengklasifikasikan "*School Refusal*" sebagai gejala ponteng.

## RUJUKAN

- Adib, A., Agnis, Lailawati. (2017). Penerimaan Gaya Keibubapaan Dalam Kalangan Remaja dan Kesannya Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia* 31(2),123-135
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to Research in Education* (8th ed., pp. 1-696). Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning
- Balakrishnan, R. D., & Andi, H. K. (2019). Factors Associated with School Refusal Behaviour In Primary School Students. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 1-13. doi:10.33306/2590-3691/3/1/1
- Balakrishnan, R. D., & Andi, H. K. (2019). School Refusal Behaviour in Primary School Students: A Demographic Analysis. *Journal of Asian Research*, 3(1), 16. doi:10.22158/jar.v3n1p16

- Baumrind, D. (1966). Effects of Authoritative Parental Control on Child Behavior, *Child Development*, 37(4), 887-907. ISSN: 0009-3920. doi: 10.2307/1126611.
- Baumrind, D. (1971). Current Patterns of Parental Authority. *Developmental Psychology*. 4, 1-103.
- Bee, H., & Boyd, D. (2012). Parenting Style. Dalam *The Developing Child* (13th ed., pp. 123-145). Boston, MA: Pearson Education
- Buerah Tunggak, and Shanah Ngadi, and Hamimah Abu Naim, (2015) *Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/ pelajar muslim bersepadu*. Jurnal Hadhari, 7 (2), 11-30.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga. Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1*. McGraw Hill.
- Fremont, W. P. (2003). School Refusal in Children and Adolescents. *American Family Physician*, 68(8), 1555-1561, 1563-1564
- Ghazi, A. K. M., Adnan, H. A., Mokhtar, D., Rohaizad, N. A., & Shamsuddin, N. (2018). Kefungsian keluarga dan perkaitannya dengan motivasi pencapaian: Satu kajian di Kementerian Sumber Manusia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 165-175.
- Havik, T., & Ingul, J. M. (2021). How to Understand School Refusal. *Frontiers in Education*, 6, 715177, 1-12.
- Havik, T., Bru, E. & Ertesvag, S.K. (2013). Parental Perspectives of The Role off School Factors in School Refusal. *Journal of Emotional and Behavioural Difficulties* 19(2):131-153.
- Havik, T., Bru, E. & Ertesvag, S.K. (2015). School Factors Associated With School Refusal and Truancy-related Reasons For School Non-Attendance. *Social Psychology Education* 18: 221-240.
- Holden, G. W. (2020). *Parenting a dynamic perspective*. SAGE Publication
- Ismail, K., Lukman, Z.M. & Hanina H.H. (2008). *Pembangunan Kanak-kanak: Teori, Isu dan Cabaran*: Arah Publications.
- Jee Pei Ching & Shahlan Surat. (2017). Gaya Keibubapaan Dengan Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja. - *Seminar Kebangsaan Transdisiplin (Sted 2017)*. 230-237.
- Kamaruzaman, N.F., Adib, A.R. & Yusoooff, F. (2015). Hubungan Dimensi Tingkah Laku Keibubapaan Remaja Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Ibu Bapa. *Simposium kebudayaan dan Kerjasama Indonesia-Malaysia 2015 (SKIM XIV 2015)*
- Kearney, C. A. (2018). *School Refusal Behaviour*. *Oxford Clinical Psychology*. Kearney, C.A. (2002). Identifying the Function of School Refusal Behaviour: A Revision of the School Refusal Assessment Scale. *Journal of Psychopathology and Behavioural Assessment*. 24, 235-245. DOI:10.1023/A:1020774932043.
- Kearney, C. A., Cook, L. C., & Chapman, G. (2010). School Stress and School Refusal Behaviour. Dalam *Handbook of School Mental Health* (pp. 123-145). New York, NY: Springer
- Kearney, C.A., Albano, A.M., (2007), *School Refusal Assessment Scale-Revised (P)*. *When Children Refuse School: Assessment*. Oxford Clinical Psychology.
- Lopez, B., Jesus, M., Lopez, B., & Luis. M. (2015). The Multidimensional Structure of University Absenteeism: An Exploratory Study. *Innovations in Education and Teaching International*. 52(2): 85-195

- Mohammad Rawi, Ali Hafizar and Abdullah, Norida and Shamshul Al Kamal, Siti Nurul Suhada (2017) Hubungan Antara Jenis Komunikasi Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja: Kajian Literatur (Relationship Between The Type Of Communication And Parenting Style Towards Teen Deviant Behaviour: A Literature Review). *Journal Of Human Capital Development (JHCD)*, 10 (7). pp. 55-68.
- Mohd Majid Konting (2005), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, 2001. *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows*, Kuala Lumpur, Venton Publishing
- Mohd Salleh Lebar. (1997). *Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library, 1-238
- Nayak, A., Sangoi, B. & Nachane, H. (2018). School Refusal Behavior in Indian Children: Analysis of Clinical Profile, *Psychopathology and Development of a Best-Fit Risk Assessment Model. The Indian Journal of Pediatrics* 85(12), 1073-1078.
- Neelam, C.G. (2013). A Study of the Factors Leading To Truancy among Adolescent Students in District Faridabad. *Journal of Research and Method in Education*. 1(6):13-19.
- Razali, A. & Razali, N.A. (2013). Parents-Child Communication and Self Concept among Malays Adolescence. *Journal Asian Social Science* 9 (11), 189-200.
- Razali, Siti Nurshahizan (2014) *Gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah*. Master's thesis, Universiti Tun Hussein Malaysia
- Rettig, M. & Crawford, J. (2000). Getting Past the Fear of Going to School. *Education Digest*. 65(9); 54-59
- Rini. (2006). *Panduan untuk Orang Tua Tentang Pengenalan Sekolah Pada Anak*. Jakarta: PT.Grasindo.
- Rogers, L.T. (2014). Absenteeism and Truancy Issues: Are Mentoring Programs Funded By The Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention The Answer?. *Children & Schools*, 36(3): 185-188.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall
- Wulandari, D., Lee, J.C. & Narawi, M.S. (2018). Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(2): 11-22
- Yahaya, A. & Latif, J. S. (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. (Cetakan kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Yahaya, A., & Bahari, M. S. (2010). Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 24(1), 45-58
- Yahaya, A., Yahaya, N., Hashim, S., Ramli, J. & Vinothini, K. (2011). Perkaitan antara Gejala Ponteng Sekolah, Kelas dan Kokurikulum dengan pencapaian Akademik Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Skudai, Johor Bahru. *Journal Teknologi*. 54(1), 25-50. DOI:10.11113/sh.v54n1-242.